

20/05/1999

Pastikan struktur tanah kukuh: Dr M

Jami'ah Shukri; Ahmad Nazri Mohamad

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pembangunan di lereng bukit hanya dilakukan di kawasan yang mempunyai struktur tanah yang kukuh untuk mengelak kejadian tanah runtuh.

Perdana Menteri berkata, pembangunan membabitkan kawasan berkenaan juga mungkin perlu dihadkan ketinggiannya bagi menjamin keselamatan orang ramai.

"Kadang-kala mereka korek dan bina bangunan di kawasan yang buminya tidak kukuh, longgar dan tidak stabil," katanya kepada pemberita selepas meninjau kawasan tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang dekat sini, hari ini.

Dalam kejadian Sabtu lalu itu, runtuh tanah berkenaan menutup satu-satu jalan keluar masuk ke Bukit Antarabangsa menyebabkan kira-kira 15,000 penduduk di situ terputus hubungan dan bekalan air.

Selain itu, 340 penghuni Kondominium Puncak Athenaem dan 16 keluarga di Wangsa Heights serta 10 keluarga lagi di Taman Hillview, diarah berpindah.

Dr Mahathir menghabiskan masa kira-kira 45 minit meninjau kawasan runtuh itu yang kini sedang dibersihkan dan diperkukuhkan kedudukannya.

Sebelum itu, Perdana Menteri diberi taklimat ringkas mengenai kejadian itu dan perkembangan terkini kawasan berkenaan oleh seorang pakar kaji bumi tempatan yang juga Pengarah Urusan SSP Geotechnic Sdn Bhd, Dr Guie See Sew.

Dr Mahathir diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Ahli Exco Negeri, Datuk Fuad Hassan.

Perdana Menteri berkata, ketika ini pembangunan membabitkan kawasan tanah tinggi terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

"Mereka perlu memikirkan sama ada untuk membekukan pembangunan di kawasan berkenaan," katanya.

Beliau berkata, isu tanah sensitif dan tidak semua kerajaan negeri mahu menyerahkannya kepada Kerajaan Persekutuan.

Mengenai perkembangan kawasan runtuh tanah di Kondominium Puncak Athenaem dan Wangsa Heights, Dr Mahathir berkata, kawasan itu masih tidak begitu baik dan cerunnya amat curam manakala kedudukannya pula hampir dengan bangunan terbabit.

Menurutnya, walaupun pihak berkuasa sudah mengambil tindakan drastik menangani masalah itu, masih ada air mengalir berikutan tiada saluran sempurna sehingga boleh menyebabkan tanah di situ lembut dan runtuh lagi.

"Kedudukan batu di situ juga kelihatan pecah-pecah dan tidak kukuh. Oleh itu, penduduk perlulah mengosongkan bangunan berkenaan bagi menjamin keselamatan mereka," katanya.

Menurutnya, penduduk terbabit perlu bersabar dan menerima dengan tabah kejadian itu.

"Mereka duduk di hotel dan kena bayar lebih sedikit. Kerajaan negeri juga sudah pujuk hotel untuk beri potongan. Ini kejadian kondominium mewah. Hari-hari kita tengok rumah setinggalan terbakar dan mereka menghadapi masalah yang sama," katanya.

Mengenai kemungkinan kejadian itu sudah dijangka, Dr Mahathir berkata, isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, pernah menjangkakannya sewaktu menghadiri majlis ulang tahun memperingati tragedi Highland Towers.

"Masa saya nak datang ke sini, dia (Dr Siti Hasmah) kata dia dah jangka benda ini akan terjadi, kalau dia boleh fikir macam itu, saya fikir orang

lain juga akan fikir macam itu juga," katanya.

Dr Siti Hasmah selepas berjumpa dengan penghuni Highland Towers, juga menulis dalam ruangan harian pembaca New Straits Times (NST) menggunakan singkatan nama SHMA Kuala Lumpur pada 14 Disember tahun lalu mengenai jangkaannya itu.

Dalam surat pembaca bertajuk `Jangan Biarkan Satu Lagi Tragedi Highland Towers Berlaku', Dr Siti Hasmah meminta pihak yang prihatin supaya melihat beberapa kejadian tanah runtuh di kawasan tanah tinggi sebagai satu tragedi yang boleh berulang.

(END)